

Kerajaan bertanggungjawab sekat
dakwah yang menyeleweng – Dr. Mahathir

HARAM ARQAM KEPUTUSAN PAKAR₂ AGAMA

14 SEP 1991

KUCHING 13 Sept. — Perdana Menteri Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini memberitahu, keputusan mengharamkan Al-Arqam menjalankan sebarang aktiviti di semua kementerian, jabatan dan agensi kerajaan dibuat oleh sebuah jawatankuasa yang dianggotai oleh pakar-pakar hal ehwal agama Islam.

Oleh itu, kata beliau, kerajaan menerima keputusan jawatankuasa tersebut kerana mereka adalah ahli dalam bidang ini.

Perdana Menteri berkata, adalah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk menyekat sebarang kegiatan dakwah yang telah menyeleweng dari aqidah Islam.

Bercakap dalam satu persidangan akhbar di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching di sini, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, ini termasuk semua penyebaran Al-Arqam seperti buku *Aurad Muhammadiyah* yang menjadi pegangan pemimpin pertubuhan tersebut, Ustaz Ashaari Muhammad dan pengikut-pengikutnya.

Katanya, *Aurad Muhammadiyah* yang menjadi pegangan mereka adalah salah dari segi aqidah.

Ketua Pengarah Pusat Islam, Encik Zainal Abidin Haji Abdul Kadir berkata, Rabu lalu, bahawa arahan yang dikeluarkan oleh Bahagian Hal Ehwal Agama Islam Jabatan Perdana Menteri itu meliputi kerajaan-kerajaan negeri, badan-badan berkanun, kuasa-kuasa tempatan dan pertubuhan-pertubuhan siasah serta pi-

hak swasta.

Ditanya sama ada pengharaman tersebut juga bermakna semua bahan bacaan terbitan Al-Arqam turut diharamkan, Perdana Menteri berkata, setakat yang beliau tahu pertubuhan itu tidak ada akhbar yang mempunyai kebenaran.

"Saya tak tahu kalau ada orang lain yang keluaran kebenaran," katanya sambil menambah bahawa pendirian kerajaan itu adalah berpandukan kepada keputusan yang dibuat oleh Majlis Agama.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, beliau sendiri tidak pasti sama ada pertubuhan Al-Arqam didaftar secara rasmi kerana biasanya badan-badan agama tidak perlu didaftar.

Mengenai lawatannya ke Sarawak, Perdana Menteri berkata, ia adalah lawatan sambilan beliau selepas pu-

LIHAT MUKA 2

HARAM ARQAM: KEPUTUSAN PAKAR₂ AGAMA

lang dari Sabah.

"Masa balik saya singgah ke sini untuk bertemu pemimpin-pemimpin BN untuk melihat pembangunan di sini dan saya kagum dengan perubahan yang berlaku.

"Walaupun saya baru sahaja buat lawatan ke sini dahulu, sudah banyak perubahan berlaku, pembangunan berjalan dan saya dapati penduduk

di sini sudah senang hati dengan khidmat yang diberi oleh kerajaan," ujar beliau.

Menyentuh tentang pilihanraya negeri yang akan berlangsung pada 28 dan 29 September ini, Perdana Menteri berkata, beliau dapati kerajaan BN3 pimpinan Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud sudah membuat persediaan dan beliau yakin bahawa kerajaan BN3 akan kembali semula menjadi kerajaan selepas pilihanraya ini.